

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]
TARIKH : 25 MEI 2016
RUJUKAN : 9052

Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan statistik terkini penghuni Sekolah Henry Gurney dan Pusat Pemulihan Akhlak di seluruh negara mengikut perincian jantina serta kesalahan yang dilakukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik Jabatan Penjara pada 3 Mei 2016 menunjukkan jumlah penghuni Sekolah Henry Gurney adalah seramai 1,072 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 996 adalah penghuni lelaki, manakala penghuni wanita adalah 76 orang. Mereka ditahan dan menjalani pemulihan di Sekolah Henry Gurney di bawah Akta Kanak-kanak 2001.

Manakala di Pusat Pemulihan Akhlak pula terdapat seramai 1,386 tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Daripada jumlah tersebut seramai 1,351 tahanan lelaki dan 35 tahanan wanita.